

2,960 graduan ISMP jadi guru

»7,815 lagi graduan akan dipanggil untuk ditemuduga SPP

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@bharian.com.my

Batu Pahat

Seramai 2,960 graduan Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) yang lulus temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan ditempatkan di seluruh negara mulai sesi persekolahan tahun depan.

Seramai 7,815 lagi graduan ISMP akan dipanggil untuk ditemuduga SPP dalam tempoh terdekat.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata waran perjawatan dan penempatan kepada sejumlah 2,960 graduan ISMP yang berjaya melepassi dan lulus temu duga itu kini sedang diaghikkan.

"Kita harap graduan ISMP berkenaan bersedia dan menyiapkan diri untuk memulakan tugas pada sesi persekolahan tahun depan menerima jawatan mereka dengan semangat tinggi untuk mendidik anak bangsa."

"Waran perjawatan dan pe-



FAKTA NOMBOR

10,755
graduan

ISMP sudah
tamatkan pengajian

diaghikkan

nempatan mereka sudah diluluskan dan kini giat kepada penerima terbabit.

"Proses temu duga yang membabitkan seramai 7,815 lagi baki graduan ISMP pula akan dimulakan pada bila-bila masa dari sekarang dan ia dijangka berakhir Mac depan," katanya selepas merasmikan Program Kamu Yang Cantik anjuran pelajar Kursus Pergruuan Lepasan Ijazah (KPLI) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di Balai Raya

Mohd Puad menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil peserta Program Kamu Yang Cantik anjuran pelajar KPLI UTHM di Balai Raya Sungai Suloh, Senggarang, Batu Pahat, semalam.

[FOTO MUSTAPHA ISMAIL/BH]

Sungai Suloh, Senggarang, di sini, semalam.

Temu duga berperingkat

Sebelum ini, BH melaporkan seramai 10,755 graduan ISMP mengeluh berikutan masih mengangur dan belum diserapkan sebagai guru walau pun sudah menamatkan pengajian mereka.

Ia menyebabkan Kementerian Pelajaran memanggil 5,500 graduan ISMP berkenaan termasuk 4,500 lepasan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk ditemuduga secara

berperingkat bagi mengisi kekosongan jawatan guru di sekolah seluruh negara.

Kementerian juga sebelum ini dilaporkan giat mengumpul rekod terkini kekosongan guru di sekolah seluruh negara daripada Jabatan Pelajaran Negeri bagi mengisi calon graduan berkenaan.

Sementara itu, Puad yang juga Ahli Parlimen Batu Pahat berkata, seramai 63 calon graduan ISMP yang gagal dalam temu duga sebelum ini, akan dipanggil semula bagi menghadiri sesi temu duga kedua.